

Jalan Alor: Peniaga hantar memorandum pula

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Lebih 300 peniaga dan penduduk di Jalan Alor di sini menandatangani memorandum bantahan terhadap penukaran nama jalan tersebut ke Jalan Kejora yang dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini.

Tiga orang Ahli Parlimen yang mewakili penduduk dan pertiagaan terbabit menyerahkan memorandum bantahan berkenaan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pagi tadi.

Mereka ialah Ahli Parlimen Bukit Bintang, Fong Koo Lun, Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai dan Ahli Parlimen Segambut, Lim Eup Eng.

Pegawai Khas Datuk Bandar, Shaari Ahmad Junid pula mewakili Datuk Bandar

untuk menerima memorandum tersebut.

Menurut Kui Lun, memorandum tersebut adalah susulan bantahan kumpulan itu terhadap tindakan DBKL menukarkan nama jalan tersebut tanpa berbincang dengan penduduk dan peniaga di situ terlebih dahulu sehingga menjejaskan perniagaan mereka.

Beliau berkata, DBKL tidak boleh menukar nama Jalan Alor sesuka hati kerana jalan itu terkenal di kalangan para pelancong dan penduduk tempatan.

"Sebelum ini sudah banyak jalan lain yang DBKL tukar dan tiada bantahan yang mereka terima kerana penduduk menyokong pertukaran nama tersebut kerana dilakukan dengan cara yang betul.

"Malangnya, mengapa pertukaran Jalan

Alor ini dibuat secara tiba-tiba sedangkan jalan ini adalah salah satu pusat pelancongan yang terkenal dan telah berusia 50 tahun," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum tersebut di bangunan DBKL di sini hari ini.

Kui Lun berkata, DBKL sepatutnya memaklumkan kepada penduduk terlebih dahulu tentang cadangan mereka untuk menukar nama jalan itu sebelum pertukaran nama jalan berkenaan dibuat.

Jelasnya, nama Jalan Alor perlu dikekalkan dan tidak perlu ada relevan dengan nama jalan-jalan di sekitar kawasan kerana perkataan tersebut adalah dalam bahasa kebangsaan.

"Saya amat berharap dengan penyerahan memorandum ini, DBKL akan mem-

pertimbangkan semula tentang pertukaran nama jalan berkenaan selanjutnya.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* pernah melaporkan tentang bantahan penduduk dan peniaga di sekitar Jalan Alor tentang pertukaran jalan berkenaan.

Bantahan demi bantahan dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mendapatkan penjelasan daripada DBKL tentang sebab penukaran nama jalan berkenaan.

DBKL kemudian mengeluarkan kenyataan bahawa penukaran nama jalan tersebut dibuat atas permintaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Nama Jalan Kejora dilihat lebih berseesuaian nama-nama bersempena nama-nama bintang pada jalan-jalan lain di sekitar Bukit Bintang.